

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 02 JUN 2016

2

MBSA rai media, anak yatim *2/6 MBSA Set*

MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA) meraikan pengamal media cetak dan elektronik sebagai penghargaan memberikan liputan serta menyebarkan maklumat berkaitan aktiviti serta hebahati berkaitan MBSA dalam satu majlis Hi-Tea Media Massa, semalam.

Datuk Bandar Shah Alam, Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, majlis itu bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara pihak MBSA dan media.

"Ini kesempatan terbaik untuk saya bertemu dan beramah mesra dengan pihak media.

"MBSA menghargai sumbangan pihak media yang banyak mewar-warkan aktiviti dan program MBSA, sekali gus meningkatkan imej MBSA di mata masyarakat," katanya.

Pada program sama, seramai 15 anak yatim menerima sumbangan cenderahati bernilai RM100 setiap seorang.

Ahmad Zaharin turut menyampaikan cenderahati kepada anak yatim.

Foto: AFIQ RAZALI

